SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

# LAPORAN TAHUNAN 2014



## MENGGALAKKAN PERSAINGAN, MELINDUNGI ANDA

www.mycc.gov.my




# TEMA

Rekabentuk Laporan Tahunan 2014 menunjukkan perubahan metaformosis daripada kepompong kepada seekor rama-rama dewasa. Ini menggambarkan tranformasi MyCC ke arah mencapai matlamatnya. Dengan menguatkuasakan undang-undang persaingan, MyCC memainkan peranan penting dalam memacu transformasi yang berdaya saing.















# KANDUNGAN


08 KATA-KATA ALUAN MENTERI

10 MESEJ PENGERUSI

12 MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

16 MENGENAI SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA

17 VISI DAN MISI

AKTA PERSAINGAN 2010
18 Skop
19 Pelanggaran dan Penalti

20 ULASAN TAHUNAN

30 ANGGOTA-ANGGOTA MyCC

34 STRUKTUR ORGANISASI

38 DETIK-DETIK PENTING

42 DALAM BERITA

50 PENYATA KEWANGAN






# MEMACU EKONOMI PENGGUNA YANG SIHAT

Undang-undang persaingan memanfaatkan pengguna pada akhirnya. Persaingan yang sihat membawa kepada pasaran yang berdaya saing dengan harga kompetitif di mana lebih banyak barangan dan perkhidmatan sampai kepada lebih ramai pengguna.

# KATA-KATA ALUAN MENTERI

## YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan**




Sejak penubuhannya, di antara pencapaian berterusan MyCC pada 2014 ialah peningkatan jumlah kes yang diselesaikan selain usaha-usaha melalui advokasi yang dijalankan. MyCC telah memperoleh pencapaian yang memberangsangkan walaupun Akta Persaingan 2010 (AP2010) hanya mula dikuatkuasakan pada tahun 2012.

MyCC ditubuhkan bagi memastikan pematuhan terhadap Akta Persaingan 2010 (AP 2010), di bawah Program Tranformasi Ekonomi yang salah satu komponennya adalah persaingan, standard dan liberalisasi. Sehubungan itu, Suruhanjaya memainkan peranan yang penting dalam menggalak serta menguatkuasakan budaya persaingan di Malaysia.

Melalui persaingan, adalah diharapkan kesemua syarikat-syarikat di Malaysia dapat memperbaiki kecekapan serta meningkatkan inovasi, selaras dengan kehendak pengguna. Pada masa yang sama juga dapat mempromosikan pasaran sihat serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi, di samping memastikan ekonomi tetap responsif dan berdaya saing dalam pasaran global.

Aktiviti-aktiviti MyCC sepanjang tahun seharusnya menjadi penanda kepada perniagaan-perniagaan di Malaysia bahawa Suruhanjaya tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap mana mana syarikat yang membuat pelanggaran dan tiada ruang untuk melakukan pelanggaran undang-undang. Syarikat-syarikat perlu memberi penekanan kepada inovasi jika mereka mahu memenuhi kepada peningkatan kemahuan pengguna yang semakin kompleks.

Undang-undang persaingan merupakan elemen yang penting dalam polisi persaingan bagi membenarkan tindakan terhadap amalan-amalan antipersaingan seperti kartel, penyalahgunaan kuasa pasaran dengan sebahagian daripadanya akan menyebabkan kegagalan pasaran. Memetik kata Joseph Stiglitz, ahli ekonomi Amerika Syarikat dan Pemenang Hadiah Nobel pada tahun 2001, "Polisi persaingan yang kukuh bukan sekadar kemewahan yang boleh dinikmati oleh negara-negara kaya tetapi merupakan satu keperluan bagi sesiapa yang berusaha untuk membentuk pasaran ekonomi yang demokratik."

Umum mengetahui bahawa persaingan adalah baik untuk pengguna kerana ini akan menyebabkan pengeluar menawarkan tawaran yang lebih baik apabila pasaran menjadi lebih kompetitif. Undang-undang ini masih baharu di Malaysia dan pihak berkuasa seperti MyCC yang masih baharu akan menghadapi pelbagai cabaran. Bagi saya cabaran yang terbesar bagi MyCC adalah untuk mempengaruhi dan meyakinkan masyarakat awam serta pihak-pihak berkepentingan yang lain seperti pengguna, perniagaan dan kehakiman mengenai manfaat polisi persaingan secara umumnya dan keburukan perlakuan kartel terhadap ekonomi.

Saya berbesar hati dan berterima kasih di atas usaha berterusan Suruhanjaya mendidik dan meningkatkan kesedaran mengenai polisi nasional yang relevan, menjadikan persaingan topik yang semakin dikenali di Malaysia. MyCC juga telah mengambil langkah untuk membantu syarikat-syarikat bagi menjalankan tanggungjawab terhadap pematuhan, dengan mengeluarkan bahan bacaan yang kondusif dan efektif bagi membantu perniagaan-perniagaan yang berkemungkinan menghadapi masalah dengan mengurangkan risiko pelanggaran.

Walaubagaimanapun, tanggungjawab untuk membangunkan persekitaran perniagaan yang sihat dan kompetitif tidak boleh diletak di atas bahu MyCC sahaja. Setiap seorang rakyat negara ini mempunyai tanggungjawab. Penyiasatan, penyingkiran dan hukuman bagi setiap aktiviti kartel bergantung kepada maklumat-maklumat yang diberikan oleh pihak terlibat atau yang bersekongkol dengan ahli-ahli kartel lain.

Keseluruhannya pada tahun 2014, MyCC telah menunjukkan momentum yang kukuh dalam pendidikan, advokasi dan penguatkuasaan AP2010. Bagi pihak Kerajaan dan MyCC, ingin saya tegaskan di sini bahawasanya tiada lagi ruang untuk amalan-amalan antipersaingan dalam negara ini dan pengadaptasian aktiviti perniagaan yang inovatif dan efisien akan menyebabkan pasaran lebih bebas dan adil bagi rakyat Malaysia. Saya percaya misi ini akan berterusan untuk mencapai kejayaan bagi tahun-tahun yang akan datang.

**Keseluruhanya pada tahun 2014 MyCC telah menunjukkan momentum yang kukuh dalam pendidikan, advokasi dan penguatkuasaan AP2010.**

**DATO' SRI HASAN BIN MALEK**
Menteri Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan

# MESEJ PENGERUSI

**TAN SRI DATO' SERI SITI NORMA YAAKOB**
**Pengerusi**



Saya amat berbesar hati kerana pada tahun 2014, reputasi dan kewibawaan MyCC telah meningkat bukan sahaja di dalam negeri malah di luar negara melalui program advokasi, program "outreach" dan penguatkuasaan undang-undang. MyCC telah mencatatkan beberapa pencapaian dalam usahanya untuk menginstitusikan persaingan dan membangunkan landskap perniagaan yang lebih adil dan terbuka di Malaysia. Kami di MyCC akan terus aktif dalam menyertai pelbagai program bilateral dan multilateral yang memfokuskan kepada pembangunan polisi persaingan.Secara peribadi saya sendiri pernah menghadiri beberapa persidangan dan forum di Korea Selatan dan Jepun.

Apabila kami mula menyiasat lebih banyak kes, intepretasi undang-undang dan pendekatan berurusan dengan pihak-pihak berkepentingan, menjadi isu utama perbincangan dalam mesyuarat-mesyuarat Suruhanjaya. Lawatan kerja yang diadakan oleh pihak Suruhanjaya merupakan salah satu cara kami memperkukuhkan rangkaian dan perkongsian pengetahuan. Pada tahun ini, kami telah mengadakan lawatan ke Rekabet Kurumu (Suruhanjaya Persaingan Turki). Kami turut menerima lawatan dari pakar-pakar persaingan, seperti Hassan Qaqaya dari Persidangan Pembangunan Perdagangan Bangsa-bangsa Bersatu (UNCTAD), Prof.Patrick Krauskopt, Antonio Capobianco dari Organisation of Economic Co-operation and Development (OECD) dan Ahmad Junaidi dari Komisi Pengawas Persaingan Usaha (KPPU), Indonesia.

Banyak organisasi baik di peringkat dalam negeri mahupun antarabangsa telah menjemput MyCC bagi menyertai taklimat, persidangan dan seminar. Salah satu daripadanya ialah, Ulang Tahun ke-10 bagi Program Persaingan oleh Organization for Economic Co-operation and Development (OECD) dan Pusat Polisi Korea (KPC). Ketua Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj telah menjadi moderator bagi sesi isu persaingan dalam pengedaran farmaseutikal di Forum Global bagi Persaingan OECD ke-13 di Paris.

Diperingkat dalam negara, MyCC tetap fokus dalam mempromosikan inisiatif bagi meningkatkan kesedaran mengenai tipuan bida dan ancamannya terhadap ekonomi serta apa-apa yang membantu penguatkuasaan dalam peruntukan undang-undang yang relevan. Sejajar dengan usaha ini, saya juga turut merasmikan beberapa program 'outreach" di seluruh negara, yang disasarkan untuk meningkatkan kesedaran mengenai tipuan bida terutamanya bagi pegawai-pegawai yang terlibat dengan perolehan awam.

Secara umumnya, pematuhan di dalam sektor swasta di Malaysia kini telah semakin meningkat. MyCC dalam masa yang sama juga akan terus memperkukuhkan penyiasatan kes-kes dan penjelasannya kepada intepretasi undang-undangnya. Syarikat-syarikat juga diharapkan dapat memainkan peranan utama dalam memastikan pematuhan terhadap Akta Persaingan 2010 (AP2010).

Bagi membantu masyarakat awam memahami dengan lebih lanjut mengenai bagaimana keputusan penguatkuasaan yang melibatkan penalti kewangan dan perundangan kelonggaran diputuskan, Suruhanjaya telah memperkenalkan garis panduan-garis panduan yang boleh dilayari dalam laman sesawangnya. Dokumen-dokumen ini adalah berdasarkan Seksyen 17 Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 serta Seksyen 40(1) dan 41 Akta Persaingan 2010. Garis panduan ini bukanlah pengganti atau melangkaui mana-mana peraturan dalam AP 2010 atau apa-apa peraturan berikutnya.

Dalam masa yang sama, Suruhanjaya juga terus memainkan peranannya sebagai satu-satunya badan berkanun yang memberi perhatian kepada advokasi persaingan. Susulan daripada pelancaran "Akta Persaingan 2010: Garis Panduan Pematuhan" yang telah dilakukan pada tahun lepas, pihak kami telah bekerjasama dengan Persatuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) bagi melancarkan Senarai Semak Pematuhan. Walaupun senarai semak ini secara dasarnya disasarkan kepada ahli-ahli FMM, perniagaan-perniagaan lain juga boleh menggunakannya sebagai rujukan pembangunan senarai semak mereka bagi memastikan perniagaan yang mereka lakukan adalah mengikut undang-undang yang ditetapkan, menepati pematuhan dalaman dan juga mempunyai langkah-langkah pencegahan yang berkesan. Ianya merupakan satu kejayaan yang amat membanggakan apabila FMM telah mengambil inisiatif untuk menjadi rakan advokasi MyCC. Saya berharap agar lebih banyak persatuan akan mengikut jejak langkah yang sama sebagaimana FMM.

**Melangkah kehadapan, saya berkeyakinan kami akan mencapai kejayaan cemerlang bagi tahun 2015.**

Berdasarkan kepada hala tuju MyCC bagi tahun 2015, Suruhanjaya akan memfokuskan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), farmaseutikal, badan-badan professional dan isu-isu tipuan bida. Tambahan lagi pada tahun 2015, MyCC akan meneruskan hubungan strategiknya dengan Kementerian Kewangan (MOF), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), dan Jabatan Audit Negara (JAN) bagi meningkatkan pemahaman serta kerjasama dalam mencegah isu-isu tipuan bida ini di peringkat kebangsaan.

Kami amat bersyukur kerana telah menerima sokongan padu serta panduan dari pihak Kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pihak-pihak berkepentingan dan masyarakat awam yang telah memberikan maklumbalas dan menunjukkan sokongan.

Melangkah kehadapan, saya berkeyakinan kami akan terus mencapai kejayaan cemerlang pada tahun 2015. Saya percaya bahawa MyCC akan terus melakukan perubahan dalam meningkatkan pemahaman undang-undang persaingan dan membentuk persekitaran persaingan yang kondusif di Malaysia. Melalui usaha-usaha MyCC, sektor korporat diharapkan semakin matang dalam memastikan pematuhan persaingan dipatuhi. Dengan kekuatan pegawai-pegawai MyCC yang bertanggungjawab serta berdedikasi, MyCC akan membawa arus perubahan yang Malaysia perlukan dalam mencapai status negara yang kompetitif di peringkat global.

**TAN SRI DATO' SERI SITI NORMA YAAKOB**
Pengerusi, Suruhanjaya Persaingan Malaysia.

# MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

**SHILA DORAI RAJ**
Ketua Pegawai Eksekutif



Penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 (AP 2010) telah memasuki tahun ketiga pada 2014. Dalam memperkasakan undang-undang, MyCC telah menggunakan pendekatan strategik serampang dua mata yang dikawal selia melalui program advokasi dan penguatkuasaan. Kerjasama dengan sektor utama awam telah dimeterai, begitu juga rundingan dan taklimat bersama persatuan-persatuan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) juga telah dilaksanakan dengan jayanya.

Hasilnya, Jawatankuasa Kerja Kewangan MyCC dan Bank Negara Malaysia telah memuktamadkan kerjasama dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi mengetengahkan isu kerjasama penguatkuasaan undang-undang dalam sektor kewangan. Pendekatan ini dapat meningkatkan penyelarasan dan kerjasama dengan pengawal selia sektor bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan undang-undang dan pada masa yang sama mengelakkan daripada berlakunya "forum shopping".

Satu rundingan awam utama bersama badan-badan profesional telah diadakan pada 19 Mei 2014. Ini diadakan berikutan kajian MyCC mengenai penetapan harga atau yuran oleh badan-badan profesional dengan sebanyak 131 persatuan telah disemak/dinilai daripada 35 sektor. Rundingan awam ini merupakan pengenalan kepada beberapa sektor profesional yang baru pertama kali mengetahui mengenai AP 2010 dan implikasinya terhadap perniagaan terutamanya mengenai penetapan yuran serta skala yuran oleh badan-badan profesional. Terdapat banyak keluhan dan kebimbangan daripada badan-badan profesional kerana menurut mereka amalan menetapkan skala yuran telah dijalankan sebagai fungsi sesebuah persatuan perdagangan, namun kini pihak MyCC meminta untuk dihapuskan. Tujuan rundingan ini diadakan untuk mendapatkan maklum balas dan pendapat serta cadangan daripada pihak-pihak yang berkepentingan. Dua penceramah dari United Kingdom dan Singapura telah berkongsi pandangan mereka mengenai perkara ini dari sudut pandangan ahli ekonomi dan penguat kuasa. Susulan itu, MyCC akan menjalankan sesi rundingan bersama badan-badan profesional utama dan perbincangan selanjutnya akan diadakan sebelum sebarang keputusan mengenai polisi ini dimuktamadkan.

Walaupun advokasi terus menjadi agenda utama MyCC, penyiasatan juga turut dijalankan secara aktif. Pada tahun 2014 sebanyak 80 aduan telah difailkan manakala siasatan yang masih aktif pula sebanyak 40 kes. Beberapa pendekatan telah diadaptasi oleh MyCC dalam menguatkuasakan undang-undang. Keputusan cadangan serta penalti bagi beberapa kes telah dikeluarkan manakala kes-kes yang lain memperlihatkan akujanji telah dikuatkuasakan oleh MyCC dan telah diterima oleh pihak yang membuat pelanggaran tersebut. Sebanyak dua kes telah diberikan keputusan cadangan. Satu kes dimuktamadkan dengan keputusan akhir manakala MyCC telah menerima akujanji bagi tiga kes.

Dalam membuktikan kaitan mengenai persaingan, tipuan bida merupakan dua sisi syiling yang sama, salah satunya menggalakkan rasuah dan sisi yang lainnya merupakan perlakuan antipersaingan. Justeru itu, bagi menentang perlakuan yang tidak sihat ini terutamanya dalam sektor awam, dua buku garis panduan telah dilancarkan iaitu "Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam" dan "Bantu Kami Kenal Pasti Tipuan Bida". Garis panduan ini disasarkan kepada pegawai perolehan awam bagi membantu mereka dalam mengenal pasti amalan tipuan bida, cara mengawal tipuan bida dan bagaimana mereka boleh memberikan maklumat kepada MyCC apabila berhadapan dengan amalan-amalan yang sedemikian. Pelancaran buku garis panduan diadakan di Putrajaya, Kota Kinabalu dan Kuching. Program itu diikuti dengan seminar di seluruh negara bagi meningkatkan kesedaran mengenai amalan-amalan antipersaingan.

Fasa yang seterusnya ialah kolaborasi bersama Jabatan Audit Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang merupakan dua agensi yang banyak membongkar amalan-amalan perolehan yang tidak sihat. Bagaimanapun, pendekatan yang progresif akan diadaptasi dan keperluan pemahaman mengenai AP2010 oleh kedua-dua agensi ini adalah perlu dan MyCC berperanan untuk memberikan pencerahan dalam hal ini.

Di peringkat antarabangsa, MyCC telah bergiat secara aktif dalam menghadiri beberapa persidangan dan seminar. Pegawai-pegawai baharu telah dihantar bagi menghadiri bengkel dan seminar sebagai salah satu cara bagi menambah pengetahuan. Pada bulan Julai 2014, seorang pakar antarabangsa Ibrahim Bah dari Ireland telah menyertai MyCC sebagai Penasihat Teknikal. Peranan beliau adalah dalam penyusunan semula dan menguatkan lagi bahagian penguatkuasaan, memberi latihan kepada pegawai penguat kuasa dan memberi nasihat kepada Suruhanjaya secara keseluruhannya. MyCC sangat berbesar hati dengan kehadiran beliau yang membawa bersamanya pengalaman dan pengetahuan yang luas dalam isu undang-undang persaingan terutamanya daripada perspektif ekonomi, pendekatan penguatkuasaan yang lebih tepat dan munasabah untuk diadaptasi. MyCC sangat mengalu-alukan kehadiran Ibrahim Bah memandangkan di negara ini tiada pengalaman mengenai undang-undang ini.

**Di peringkat antarabangsa, MyCC telah bergiat secara aktif dalam menghadiri beberapa persidangan dan seminar. Pegawai-pegawai baru juga dihantar bagi menghadiri bengkel dan seminar kerana ia merupakan salah satu cara bagi membina kapasiti dan pengetahuan.**

Kami berharap untuk terus menguatkuasakan undang-undang dengan lebih agresif di samping memperolehi pengalaman dan kepakaran. Kami mempunyai tenaga kerja yang saling bekerjasama, sentiasa inginkan pengalaman dan pengetahuan baru. Bagi pihak kumpulan eksekutif MyCC, ingin saya tegaskan sekali lagi bahawa kami komited dalam memastikan keberkesanan dan kecekapan pengendalian undang-undang persaingan dan ekonomi di negara ini bagi meningkatkan persekitaran perniagaan yang lebih kompetitif dan rancak.

**SHILA DORAI RAJ**
Ketua Pegawai Eksekutif

# BERSAING DENGAN SAKSAMA

Undang-undang persaingan menyamaratakan keadaan bagi semua perniagaan, besar dan kecil. Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mendapat manfaat sebanyak mana yang diperolehi oleh syarikat-syarikat besar, kerana mereka dilindungi daripada amalan yang tidak adil oleh pemain dominan dalam mana-mana pasaran.



# Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ialah sebuah badan berkanun bebas yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 bagi menguatkuasakan Akta Persaingan 2010. Peranan utama MyCC adalah untuk melindungi keutuhan proses persaingan bagi faedah perniagaan, pelanggan dan ekonomi secara amnya.





# Visi dan Misi

### VISI

Kami adalah pihak yang berkuasa untuk menerap dan menerajui budaya persaingan yang sihat. Kami adalah pihak berkuasa dan juga rakan kongsi yang berwibawa, boleh dipercayai serta berkecekapan dan diiktiraf dari segi kekuatan organisasi serta keupayaan bagi memperbaharui persekitaran perniagaan dari segi persaingan.

### MISI

Mewujudkan budaya persaingan sihat yang selaras dengan amalan terbaik tahap antarabangsa. Kami akan menerap serta menerajui budaya ini dengan memandu arah pihak-pihak berkepentingan dan melaksanakan undang-undang persaingan dengan berkesan tanpa keraguan atau pilih kasih.

# Akta Persaingan 2010

**AP 2010 meliputi semua aktiviti komersial – di dalam dan luar Malaysia – yang mempunyai kesan negatif atau antipersaingan kepada apa-apa pasaran di Malaysia.**

Akta Persaingan 2010 (AP 2010) dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 telah diwartakan pada 10 Jun 2010 dan mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2012. Akta-akta ini bertujuan untuk meningkatkan pembangunan ekonomi negara dengan melindungi proses persaingan dalam pasaran dan seterusnya melindungi kepentingan pengguna. Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 pada 1 April 2011 bagi menyelia peruntukan-peruntukan AP 2010.

## SKOP

AP 2010 meliputi semua aktiviti komersial – di dalam dan luar Malaysia – yang mempunyai kesan terhadap persaingan di mana-mana pasaran di Malaysia. Perjanjian antipersaingan yang dilarang oleh AP 2010 adalah seperti penetapan harga, berkongsi pasaran atau sumber bekalan, mengehadkan atau mengawal pengeluaran, dan tipuan bida.

Selain melarang perjanjian antipersaingan, AP 2010 juga meliputi amalan oleh perusahaan dominan yang sengaja bertujuan untuk memaksa pesaing keluar dari pasaran. Dalam kes perusahaan yang telah mendapat bahagian pasaran terbesar, AP 2010 melarang tingkah laku oleh perusahaan itu yang membawa kepada penyalahgunaan kedudukan dominannya, seperti diskriminasi harga, kelakuan pemangsa, keengganan untuk membekal, jualan terikat, dan membeli semua barangan atau sumber yang sukar didapati.

AP 2010 mengecualikan aktiviti-aktiviti tertentu, termasuk:

- Aktiviti yang melibatkan tindakan pihak berkuasa kerajaan.
- Aktiviti yang dijalankan selaras dengan prinsip perpaduan.
- Pembelian barangan atau perkhidmatan yang tidak bertujuan untuk dijual semula atau pembekalan semula.
- Perjanjian atau kelakuan yang mematuhi undang-undang.
- Tawar-menawar secara kolektif atau perjanjian bersama di antara majikan dan kesatuan sekerja bagi pihak warga kerja.
- Perkhidmatan yang melibatkan kepentingan ekonomi umum, meliputi kemudahan awam, atau yang mempunyai ciri-ciri monopoli yang menghasilkan pulangan.

AP 2010 tidak meliputi aktiviti-aktiviti komersial yang dikawal selia oleh Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta Suruhanjaya Tenaga 2001.

## PELANGGARAN DAN PENALTI

AP 2010 memberi kuasa kepada MyCC untuk menyiasat dan mengambil tindakan terhadap syarikat yang terlibat dalam amalan antipersaingan. Penyiasatan mungkin dilakukan oleh MyCC apabila diarahkan oleh Menteri, apabila disyaki terdapat pelanggaran oleh sesuatu perusahaan, atau daripada aduan yang dikemukakan oleh orang awam. Aduan hendaklah diserahkan kepada MyCC menggunakan borang aduan rasmi yang boleh dimuat turun dari laman web MyCC (www.mycc.gov.my) dan boleh dihantar melalui e-mel ke complaints@mycc.gov.my. Semua maklumat yang diterima oleh MyCC adalah dianggap sulit.

Sekiranya MyCC mendapati bahawa syarikat tertentu telah melanggar AP 2010, ia boleh meminta perusahaan untuk menghentikan pelanggaran serta-merta dan mengambil sebarang tindakan lain sebagaimana yang ditentukan oleh MyCC. Perusahaan yang terbabit boleh didenda sehingga maksimum 10% daripada perolehan seluruh dunia dalam tempoh sepanjang pelanggaran itu berlaku.



# Ulasan Tahunan

1. **MEMACU BUDAYA PERSAINGAN DALAM 2014**

Akta Persaingan dan Suruhanjaya Persaingan bertujuan untuk menggalakkan pembangunan ekonomi Negara dengan menggalakkan dan melindungi proses persaingan dalam pasaran serta melindungi kepentingan pengguna. Bagi menyelia peruntukan di dalam Akta Persaingan 2010, Suruhanjaya Persaingan telah ditubukan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 pada 1 April 2011.

Individu-individu yang dilantik sebagai Anggota-Anggota Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah diumumkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada 1 April 2011. Pengerusi Suruhanjaya disertai oleh empat wakil kerajaan dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Peguam Negara, dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dan lima orang wakil daripada sektor swasta. Anggota-Anggota MyCC adalah pakar-pakar dari pelbagai bidang seperti undang-undang, ekonomi, perniagaan, industri, perdagangan, pentadbiran awam, persaingan dan perlindungan pengguna. Semua usaha telah dibuat untuk memastikan pelbagai sektor mempunyai wakil bagi membolehkan MyCC mencapai aspirasinya.

Pembukaan rasmi ibu pejabat MyCC di Menara SSM@Sentral, KL Sentral pada 17 Januari 2013 menandakan permulaan satu era baharu dalam operasi agensi ini dan merupakan yang pertama daripada detik-detik penting dalam tahun yang hebat. Selain memulakan operasi di ibu pejabat yang baharu, MyCC terus menambah bilangan warga kerjanya pada tahun 2013 bagi memenuhi keperluan rancangan pengembangannya. MyCC kekal komited kepada matlamatnya untuk menyediakan suasana kerja yang selamat, menyokong dan kondusif bagi warga kerjanya.

Pejabat MyCC telah beroperasi sejak 1 Jun 2011. Sejak itu MyCC telah menubuhkan tujuh jawatankuasa kerja untuk membantu serta melaksanakan fungsi utamanya. Anggota MyCC mengetuai setiap jawatankuasa kerja bersama dengan wakil-wakil daripada sektor awam dan swasta yang berkaitan. Jawatankuasa-jawatankuasa adalah seperti berikut:

a) Jawatankuasa Kewangan dan Perolehan;
b) Jawatankuasa Latihan Sumber Manusia dan Kompetensi;
c) Jawatankuasa Advokasi dan Komunikasi;
d) Jawatankuasa Garis Panduan;
e) Jawatankuasa Audit;
f) Jawatankuasa Ekonomi; dan
g) Jawatankuasa Penguatkuasaan.

1. **Laman Sesawang dan Platform Media Sosial MyCC**

Laman sesawang MyCC, www.mycc.gov.my bertindak sebagai sumber maklumat yang menghubungkan MyCC dengan pihak-pihak lain yang berminat untuk menyebarkan dan berkongsi maklumat yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti MyCC, terutamanya dalam aspek undang-undang, penguatkuasaan dan sokongan. Laman sesawang MyCC dilancarkan pada bulan September 2011. MyCC juga telah mengambil satu lagi langkah dalam memanfaatkan penglibatan dengan masyarakat awam melalui platform media sosial seperti laman sesawang Facebook MyCC dan YouTube MyCC. Platform ini menyokong saluran komunikasi, sokongan dan pendedahan jenama, sebagai tambahan kepada laman sesawang MyCC. Laman Web Rasmi Facebook MyCC dan saluran YouTube boleh didapati di alamat berikut: www.facebook.com/theMyCC and www.youtube.com/MyCompetitionNews

2. **Advokasi dan Garis Panduan**

i) Pada tahun 2014, MyCC telah menjalankan 31 program advokasi, yang melibatkan kedua-dua sektor awam dan swasta di seluruh negara. Secara umumnya, program advokasi merupakan salah satu mekanisme selain daripada aktiviti penguatkuasaan dalam mempromosikan Akta dan menggalakkan pematuhan. Program-program advokasi yang telah dijalankan, melibatkan sektor kerajaan dan swasta adalah seperti berikut:

- **10 Januari 2014 -** "Competition Act 2010 Introductory and Compliance – State Assemblyman" for Stulang, Johor Bahru;
- **28 Januari 2014 -** Seminar Dasar dan Polisi Kerajaan Kepada Gerakan Koperasi di Malaysia Peringkat Zon Selatan – Suruhanjaya Koperasi Malaysia;
- **25 Februari 2014 -** Pengenalan dan Pematuhan kepada Akta Persaingan 2010 – FAMA;
- **27 Februari 2014 -** "Meeting the Challenges of Global Competition - Petronas Chemicals Group Berhad (PCGB);
- **6 Mac 2014 -** Pengenalan Mengenai Penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 - Perbadanan Putrajaya;




Majlis Pelancaran Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam & Help Us Detect Bid Rigging bersama Agensi Kerajaan, 23 Jun 2014.

- **8 Mac 2014 -** "Competition Act 2010"- Malaysia Paper Merchants Association (MaPMA);
- **19 Mac 2014 -** "Market Conduct Supervision Course, Modul 3: Introduction to Legal and Regulatory Requirements" – Bank Negara Malaysia;
- **20 Mac 2014 -** Pembentangan Kertas Kerja Sempena Sidang Meja Bulat Akta Persaingan 2010 – Ekonomi Melayu Bersatu (MTEM);
- **27 Mac 2014 -** "Competition Act 2010"- Malaysian Institute of Management (MIM);
- **8 Mei 2014 –** MyCC – "SSM Training on Competition Act 2010";
- **19 Mei 2014 -** Sesi Rundingan Awam Dan Seminar Mengenai Penetapan Harga dan Skala Yuran oleh Badan-Badan Profesional Di Malaysia Di Bawah Akta Persaingan 2010;
- **3 Jun 2014 –** "Association of Private Hospitals of Malaysia (APHM) International Healthcare Conference & Exhibition 2014 - Smart Partnership in Managing Hospitals – Building Bridges to Win";
- **9 Jun 2014 -** "Talk on Competition Policy - GLC Explorace 2014 Programme" – MITI & TNB;
- **23 Jun 2014 -** Majlis Pelancaran Garis Panduan Menetang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam & "Help Us Detect Bid Rigging" bersama Agensi Kerajaan;
- **7 Ogos 2014 -** MyCC-"SSM Training on Competition Act 2010";
- **11 Ogos 2014 -** "Talk on Competition Policy in Malaysia"- Universiti Putra Malaysia;
- **28 Ogos 2014 -** Seminar Mengenai Garis Panduan Menetang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam & "Help Us Detect Bid Rigging" bersama Agensi Kerajaan Negeri Sarawak (Sibu);
- **9 September 2014 -** "Challenges of the Changing Corporate and Regulatory Landscape" - Chartered Secretaries Malaysia (MAICSA);
- **11 September 2014 -** Seminar Mengenai Garis Panduan Menetang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam & "Help Us Detect Bid Rigging" bersama Agensi Kerajaan Negeri (Zon Utara);
- **19 September 2014 -** "Briefing on the Fixing Of Fees By Professional Bodies In Malaysia Under The Competition Act 2010 with The Institution of Engineers (IEM)";
- **23 September 2014 -** Seminar Mengenai Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam & "Help Us Detect Bid Rigging" bersama Agensi Kerajaan Negeri Sabah (Sandakan);
- **25 September 2014 -** Majlis Pelancaran Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam & "Help Us Detect Bid Rigging" bersama Agensi Kerajaan Negeri Sabah (Kota Kinabalu)
- **1 Oktober 2014 -** "Annual Asean Corporate Governance Summit 2014 Competition Compliance Programs? The Do's and Don'ts" - Malaysia Institute of Corporate Governance (MICG);
- **2 Oktober 2014 -** Seminar Mengenai Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam & "Help Us Detect Bid Rigging" bersama Agensi Kerajaan Negeri (Zon Timur);
- **15 Oktober 2014 -** Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam di Bawah Akta Persaingan 2010 bersama Jabatan Audit Negara (JAN);






Majlis Pelancaran Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam & "Help Us Detect Bid Rigging" bersama Agensi Kerajaan Negeri Sarawak, 4 November 2014

- **27-29 Oktober 2014 -** Taklimat Mengenai Pengenalan dan Pematuhan kepada Akta Persaingan 2010 berasama Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP);
- **28 Oktober 2014 -** Seminar Mengenai Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam & Help Us Detect Bid Rigging bersama bersama Agensi Kerajaan Negeri (Zon Selatan);
- **4 November 2014 -** Majlis Pelancaran Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam & "Help Us Detect Bid Rigging" bersama Agensi Kerajaan Negeri Sarawak;
- **10 November 2014 -** Taklimat Sempena Minggu Bertemu Pelanggan, "Bantu Kami Kenal Pasti Tipuan Bida"– Universiti Malaysia Sabah (UMS);
- **24 November 2014 -** "SSM Enforcement Conference 2014, Effective Enforcement" - SSM;
- **25 November 2014 -** MyCC - "FMM Joint Briefing / Launch - Better Business With Competition Compliance";

**ii) Bengkel Penyiasatan dan Pengendalian Kes Kumpulan Pakar ASEAN (AEGC)**

Kumpulan Pakar ASEAN (AEGC) telah menganjurkan Bengkel Penyiasatan dan Pengendalian Kes berkaitan MyCC, sekretariat ASEAN dan Deutsche Gesselschaft fur Internationale Zusammernarbeit (GIZ) pada 17-18 Jun 2014. Enam belas peserta dari sepuluh negara ASEAN menghadiri bengkel dua hari itu sebagai tambahan kepada anggota penguatkuasa dan siasatan MyCC. Turut hadir pada majlis pelancaran bengkel tersebut ialah Ketua Setiausaha Agung KPDNKK Dato' Sri Alias Ahmad, Pengerusi MyCC Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob, serta Anggota Suruhanjaya Prof. Dato. Dr Sothi Rachagan, dan Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj. Agensi-agensi penguatkuasaan Persaingan menghadapi beberapa cabaran seperti meningkatkan keupayaan penyiasatan untuk mengesan kartel, memulakan siasatan yang teguh, dan mengutamakan pelbagai perkara penguatkuasaan untuk menggunakan sumber yang ada.

**iii) Lawatan Kerja Antarabangsa ke MyCC**

Pada tahun 2013, MyCC telah menerima ramai tetamu tempatan dan luar negara yang tersohor, di antaranya Encik Hassan Qaqaya (UNCTAD) dan Prof. Patrick Krauskopf (Zurich Universiti Sains Gunaan) membuat kunjungan hormat ke MyCC pada 11 Jun 2014. Pada 24 Jun 2014, MyCC mengalu-alukan kedatangan Encik Antonio Capobianco, Pakar Persaingan Kanan Undang-Undang dari Pertubuhan bagi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) dan Encik Ahmad Junaidi dari Komisi Persaingan Perniagaan Utama (KPPU), Indonesia. Ini adalah lawatan kerja pertama mereka ke MyCC di pejabat Menara SSM@Sentral. Semasa lawatan itu, mereka juga berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka untuk mengendalikan kes-kes tipuan bida. MyCC juga telah menerima lawatan kerja dari Northport Bhd (Malaysia) Bhd, delegasi yang diketuai oleh Tuan Haji Abu Sofian, Pengarah Urusan Kumpulan pada 30 Oktober.

**iv) Lawatan Kerja MyCC ke Luar Negara**

Pada 6 dan 7 Februari 2014, satu delegasi dari MyCC - yang terdiri daripada Pengerusi MyCC, Tan Sri Dato 'Seri Siti Norma Yaakob, Anggota Suruhanjaya, Tan Sri Dato' Dr Michael Yeoh, Ketua Unit Komunikasi Korporat, Rowena Wong, dan Eksekutif Unit Undang-Undang, Zairan Ishak - telah membuat lawatan kerja ke Rekabet Kurumu (Suruhanjaya Persaingan Turki) di Ankara. Ini adalah sebahagian daripada usaha MyCC untuk meningkatkan kemahiran melalui pembelajaran dan mengguna pakai amalan terbaik antarabangsa.

**v) Bengkel dan Kursus**

MyCC juga mengambil bahagian sama ada sebagai peserta bengkel atau penceramah jemputan seperti berikut:

- **11-12 Mac 2014 -** Menggalakkan Persaingan dalam Ekonomi ASEAN - Bengkel Kick-off Pengajian Sektor Wilayah, di Manila, Filipina;
- **22-25 April 2014** - Pra-Persidangan Rangkaian Persaingan Antarabangsa (ICN) dan Persidangan Tahunan Rangkaian Persaingan Antarabangsa ke-13 di Marrakech, Maghribi;
- **3-5 Jun 2014 -** Program-Bengkel OECD / Pusat Polisi Korea dalam Isu Penyalahgunaan Kedudukan Dominan, di Pulau Jeju, Korea;
- **9-13 Jun 2014 -** Kursus Latihan Persaingan Undang-undang & Dasar Bagi Negara-negara Asia, di Tokyo, Jepun;
- **7-11 Julai 2014 -** "Kemahiran Asas Siasatan" oleh Suruhanjaya Persaingan & Pengguna Australia (ACCC) di Sydney, Australia;
- **16-17 Julai 2014 -** Persidangan Persaingan ASEAN: "Pembangunan Blok bagi Penguatkuasaan Berkesan Dasar Persaingan & Undang-Undang", di Manila, Filipina;
- **21-22 Ogos 2014 -** Suruhanjaya Persaingan Singapura (CCS) - Persidangan Akademi Undang-undang Singapura (SAL) 2014, di Singapura;
- **20 Ogos 2014 -** Bengkel AEGC mengenai Menggalakkan Pematuhan Persaingan dalam ASEAN, di Singapura;
- **1-3 September 2014 -** OECD / Pusat Polisi Korea - "Bengkel Asas Kartel", di Bangkok, Thailand;
- **4-5 September 2014 -** Bengkel Antarabangsa Mengenai Dasar Persaingan yang ke-18 & Forum Persaingan Antarabangsa Seoul yang ke-8 (KFTC), di Seoul, Korea;
- **1-3 oktober 2014 -** Persidangan Rangkaian Persaingan Antarabangsa (ICN) Bengkel Cartel 2014 - Kerjasama Antarabangsa Dalam Menentang Kartel, di Taipei, Taiwan;
- **29-31 Oktober 2014 -** Bengkel Perkongsian Pengalaman mengenai In-house tools dan Program untuk ahli-ahli Kumpulan Pakar ASEAN Mengenai Persaingan (AEGC) ", di Nha Trang, Vietnam;



"Working visit to the Rekabet Kurumu (Turkish Competition Authority)", Ankara, 6 & 7 Februari 2014



OECD/Korea Policy Centre Competition Programme - Workshop on Cartel Fundamentalsi in Bangkok, Thailand, 1-3 September 2014.

- **3-7 November 2014 -** CIRC-CRESSE Sekolah Musim Sejuk mengenai Peranan Ekonomi Dalam Undang-undang Persaingan di New Delhi, India;
- **7-8 November 2014 -** Bengkel Advokasi: Asas, Strategi dan Penilaian, di Mauritius;
- **3-5 Disember 2014 -** Bengkel Isu Persaingan dalam Sektor Runcit dianjurkan oleh OECD, di Busan, Korea; dan
- **8-9 Disember 2014 -** Forum Persaingan Asia (ACF) Persidangan Tahunan, di Hong Kong.

**vi) Aktiviti-aktiviti lain MyCC di Peringkat Antarabangsa**

- **21-22 Februari 2014 -** Mesyuarat APEC 2014 yang Pertama Pegawai-pegawai Kanan (SOM1), di Ningbo, China;
- 1**8-21 Mac 2014 -** Mesyuarat AEGC ke-13, Jawatankuasa Pemandu Projek ke-4 (PSC) Mesyuarat & Mesyuarat Jawatankuasa laman web pertama, di Bangkok, Thailand;
- **2-4 April 2014 -** Mesyuarat Kumpulan Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau mengenai Persaingan (RCEPWGC), di Nanning, China;
- **19-21 Mei 2014 -** Mesyuarat Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN Australia-New Zealand (AANZFTA) Ke-2 Jawatankuasa Persaingan, di Auckland, New Zealand;
- **21-27 Jun 2014 -** Kumpulan Kerja Serantau Kerjasama Ekonomi Komprehensif dalam Persaingan (RCEP-WGC Mesyuarat), di Pusat Pameran Ekspo & Konvensyen Singapura;
- **7-10 Julai 2014 -** Mesyuarat Pakar mengenai Peranan Undang-undang Persaingan dan Dasar dalam Memupuk Pembangunan Mampan dan Sesi ke-14 Antara Kerajaan Kumpulan Pakar Undang-Undang Persaingan dan Dasar, di Geneva, Switzerland;
- **9-10 September 2014 -** Mesyuarat Sumbang Saran pada The Post Asean - 2015 Pelan Tindakan Persaingan, di Jakarta, Indonesia;
- **19-22 Oktober 2014 -** Persidangan Meja Bulat Tahunan Persatuan Peguam Antarabangsa Penguatkuasa Asia (IBA) dan Mesyuarat ke-10 East Asia Top Level (EATOP) mengenai Dasar Persaingan di Tokyo, Jepun;
- **17-21 November 2014 -** Mesyuarat Keempat Belas Kumpulan Pakar ASEAN pada mengenai Persaingan (Mesyuarat AEGC 14) dan Mesyuarat Berkaitan, di Bangkok, Thailand;
- **24-28 November 2014 -** Mesyuarat Ketiga mengenai Rundingan Perkongsian Ekonomi Malaysia-Persatuan Perdagangan Bebas Eropah (EFTA), di Geneva, Switzerland; dan
- **1-5 Disember 2014 -** Perundingan Jawatankuasa Serantau Kerjasama Perdagangan Ekonomi Komprehensif (RCEP-TNC) ke-6, di Greater Noida, India.

**3. Memberi Nasihat Dasar**

MyCC menyokong badan-badan kerajaan melalui peranannya sebagai penasihat. Pada 2014, MyCC memberi nasihat dasar kepada Kementerian Kesihatan, Bank Negara Malaysia, Kementerian Pendidikan, Pejabat Perdana Menteri, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. MyCC mengalu-alukan langkah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memudahkan persaingan lebih luas dalam penyediaan perlindungan insurans kesihatan untuk pelajar asing bagi manfaat pengguna. KPM telah menyatakan dalam Garis Panduan yang diterbitkan mengenai Peperiksaan Kesihatan dan Perlindungan Insurans, sebagai sebahagian daripada dasar yang baru, institusi pengajian swasta bebas untuk melantik mana-mana syarikat insurans, atau ejen pilihan mereka untuk menyediakan perlindungan insurans bagi pelajar asing selagi firma atau ejen-ejen yang berdaftar dengan KPM dan pakej insurans yang disediakan adalah selaras dengan kriteria KPM. MyCC sebelum ini telah menerima aduan berhubung dengan dakwaan penutupan pasaran untuk menjual perlindungan insurans kesihatan kepada pelajar asing oleh Education Malaysia Global Services (EMGS). EMGS merupakan anak syarikat milik penuh KPM dan diberi kuasa untuk memproses Permohonan Pas Pelajar untuk pelajar antarabangsa yang ingin belajar di institusi pengajian tinggi swasta di Semenanjung Malaysia. Penutupan pasaran adalah pengecualian yang terhasil apabila pembeli hiliran dinafikan akses kepada pembekal huluan (yang disebabkan daripada *upstream foreclosure*) atau apabila *upstream supplier* dinafikan akses kepada *downstream buyer.* Dalam keadaan ini, pelajar *downstream buyers* dinafikan akses kepada pembekal-pembekal insurans kesihatan yang lain dengan EMGS sebagai *upstream supplier*.

**4) Menyokong Persaingan melalui Penyelidikan akademik**

MyCC mengakui bahawa penyelidikan merupakan komponen penting dalam memupuk budaya persaingan. Bagi menggalakkan pertanyaan ilmiah dalam bidang undang-undang dan dasar persaingan, MyCC telah menjemput penyelidik daripada universiti, institut penyelidikan, kumpulan pemikir dan organisasi masyarakat sivil untuk menyertai Program Geran Penyelidikan MyCC (RGP). RGP menyediakan geran untuk aktiviti penyelidikan dalam Bidang-bidang Penyelidikan Strategik MyCC, meliputi sektor dan pihak yang berkepentingan yang diberi keutamaan seperti industri makanan, pengangkutan, penjagaan kesihatan, kewangan, perumahan dan perkhidmatan profesional. MyCC telah menerima dua permohonan geran pada tahun 2014.

Kajian-kajian akademik mereka akan ditambahkan kepada koleksi pengetahuan yang semakin berkembang mengenai persaingan dan, pada masa yang sama, memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai persekitaran persaingan dalam ekonomi Malaysia. Penemuan daripada penyelidikan itu akan juga memberi bukti kukuh bagi membantu MyCC membentuk dasar, undang-undang, strategi dan aktiviti advokasi.

**5. Memorandum Persefahaman (MoU)**

Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada 5 Jun 2014.

Pemeteraian MoU ini mengesahkan tujuan BNM dan MyCC untuk bekerjasama dalam bidang yang mempunyai objektif pengawalselian yang sama. Ini adalah untuk memudahkan pelaksanaan yang cekap di dalam Akta Persaingan 2010, dan objektif yang telah ditetapkan untuk menggalakkan dan melindungi proses persaingan, di samping memastikan kestabilan keseluruhan sektor kewangan terpelihara. MoU menjelaskan bidang kerjasama dan kerjasama antara BNM dan MyCC. Ia menggariskan rangka kerja bagi perundingan dan penyelesaian isu-isu mengenai pembangunan dan cadangan pindaan undang-undang, garis panduan, peraturan dan instrumen lain yang dikeluarkan oleh BNM dan MyCC dalam mengawalselia, kelakuan perniagaan seperti antipersaingan yang dilarang dibawah Akta Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, serta Akta Persaingan2010. MoU tersebut juga turut menjelaskan butiran lanjut tindakan penyiasatan dan penguatkuasaan yang dikenakan kepada pengawalselia yang disebutkan di atas. Kedua-dua pihak akan memberitahu satu sama lain apabila mana-mana pelanggaran dikesan dan akan berusaha untuk mencapai persetujuan bersama secara segera untuk tindakan yang selanjutnya. Prinsip-prinsip persaingan dan implikasi terhadap kestabilan kewangan akan diambil kira dalam membuat keputusan mengenai kursus yang sesuai untuk tindakan.

**2. MEMIMPIN JALAN MENUJU PEMATUHAN**

i) Akta Persaingan 2010 : Bantu Kami Kenal Pasti Tipuan

Tipuan bida adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 4 (2) (d) Akta Persaingan 2010 yang dikuatkuasakan oleh MyCC. Jika didapati bersalah, syarikat boleh didenda sehingga maksimum 10 peratus daripada jumlah dagangan bagi seluruh dunia. Amalan penipuan tawaran oleh penender dalam prosedur perolehan awam menimbulkan ancaman kepada institusi awam, terutama apabila melibatkan pelaburan dan projek berkos danberteknologi tinggi. Pendekatan proaktif oleh badan-badan perolehan untuk mengesan dan menghalang penipuan bida menjana simpanan, menggalakkan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan meningkatkan reputasi pihak berkuasa awam.

ii) Garis Panduan Menentang Tipuan Bida dalam Perolehan Awam (terbitan OECD yang diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia).

Perolehan awam adalah penting bukan sahaja untuk memenuhi keperluan fungsi, tetapi juga bagi memenuhi matlamat sosio-ekonomi dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Laporan ekonomi Malaysia telah menyatakan, untuk sepuluh tahun yang lalu perbelanjaan awam berjumlah kira-kira 24-33 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Oleh it, dengan mempunyai proses perolehan yang ketat adalah penting untuk memastikan nilai optimum dalam perolehan yang dicapai. Semua maklumat mengenai

garis panduan juga boleh dimuat turun dari laman sesawang MyCC. Garis Panduan ini, bagaimanapun, tidak boleh diganti untuk Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah dengannya. Garis Panduan ini juga boleh disemak dari semasa ke semasa sekiranya keadaan memerlukan. Dalam menggunakan Garis Panduan ini, fakta dan keadaan setiap kes akan dipertimbangkan. Sekiranya terdapat keraguan tentang bagaimana aktiviti-aktiviti komersial mereka mungkin terjejas oleh Akta, dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat undang-undang.

## 3. AKTIVITI PENGUATKUASAAN

Dalam tahun perlaksanaan, MyCC memperkukuhkan peranannya dalam penguatkuasaan bagi memastikan persaingan yang sihat dan adil dalam persekitaran perniagaan Malaysia. MyCC mengeluarkan dua Keputusan Cadangan dan tiga Aku janji dalam tempoh ini. Dalam menjalankan tugas untuk menguatkuasakan undang-undang, MyCC terus menitikberatkan tentang kebimbangan rakyat, dengan cara menjalankan rundingan dengan pihak yang berkepentingan dan penghujahan awam bagi memastikan keputusan yang dibuat mengambil kira berbagai-bagai pendapat daripada pelbagai pihak. Rundingan ini juga menunjukkan komitmen Kerajaan terhadap kepentingan awam sepanjang proses penyiasatan.

**Keputusan Cadangan terhadap Pengeluar Ais**

Pada 20 Februari 2014, MyCC telah mengeluarkan Keputusan Cadangan kepada 26 pengeluar ais. Pengeluar ais didapati telah melanggar Seksyen 4(2)(a) AP 2010 dengan penglibatan dalam perjanjian yang mempunyai objek untuk menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, harga jualan ais tiub yang boleh dimakan dan harga ais blok di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya. Keputusan Cadangan bagi penilaian kes ini telah dilakukan oleh MyCC dan penalti kewangan yang dicadangkan untuk dikenakan ke atas pengeluar ais adalah mengikut Seksyen 40(1) Akta. Menurut Seksyen 40(4) Akta, penalti kewangan tidak boleh melebihi sepuluh peratus daripada pusing ganti seluruh dunia perusahaan dalam tempoh pelanggaran itu berlaku.

**Keputusan Cadangan ke atas Ahli Persatuan Manisan dan Bakeri Sibu (SCBA)**

Pada 30 September 2014, MyCC telah mengeluarkan Keputusan Cadangan berhubung dengan suatu perjanjian penetapan harga antara 24 syarikat yang merupakan ahli SCBA. 24 syarikat didapati melanggar Seksyen 4(2) Akta selepas mereka didapati bersetuju untuk menaikkan harga manisan dan bakeri sebanyak 10 hingga 15 peratus di kawasan Sibu yang berkuat kuasa pada 1 Disember 2013. Oleh demikian, lanjutan daripada ini MyCC bercadang untuk mengenakan penalti kewangan sebanyak RM 439,000.00 ke atas perusahaan-perusahaan tersebut. MyCC juga telah mengarahkan syarikat untuk mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa mereka berhenti daripada membuat pelanggaran dan mematuhi Akta.

**Aku Janji oleh Persatuan Ampunya Lori Pan-Malaysia (PMLOA)**

Pada 21 Mei 2014, MyCC menerima Aku janji daripada ahli-ahli PMLOA mengenai amalan penetapan harga ke atas caj pengangkutan. MyCC telah mendapati bahawa Ahli Jawatankuasa Pusat PMLOA telah melanggar Seksyen 4(2)(a) Akta dengan melibatkan diri dalam perjanjian penetapan harga, dengan mengenakan caj pengangkutan sehingga 15 peratus, yang mempunyai tujuan atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu proses persaingan dalam mana-mana pasaran bagi perkhidmatan pengangkutan lori. Penetapan harga adalah apabila perusahaan daripada saiz yang berbeza berpakat secara sulit untuk menaikkan harga secara menyeluruh untuk memaksimumkan keuntungan tanpa sebarang persaingan.

**Aku Janji oleh Giga Shipping Sdn. Bhd. dan Mega Nexus Carriers Sdn. Bhd.**

MyCC telah menerima Aku Janji menurut Seksyen 43 Akta dari Giga Shipping Sdn Bhd dan Nexus Mega Carriers Sdn Bhd. Aku Janji ini adalah berhubung dengan perjanjian eksklusif antara kedua-dua syarikat dengan pengeluar, pengedar dan penjual. Kedua-dua syarikat adalah pembekal utama perkhidmatan logistik dan penghantaran perkhidmatan melalui laut untuk kenderaan bermotor dari pelabuhan-pelabuhan di Semenanjung Malaysia ke pelabuhan-pelabuhan di Sabah, Sarawak dan Labuan.

Berikutan aduan daripada pesaing syarikat ini, MyCC telah menyiasat pelanggaran tersebut di bawah Seksyen 4(1) dan Seksyen 10(1) Akta berkenaan yang berkaitan dengan perjanjian eksklusif. MyCC bimbang perjanjian-perjanjian ini mungkin mempunyai kesan rampasan pelanggan kepada pesaing daripada syarikat, yang akan mempunyai kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan dalam penyediaan perkhidmatan. Kedua-dua syarikat telah menafikan bahawa perjanjian mereka telah melanggar Akta Persaingan. Untuk menangani isu persaingan yang timbul, MyCC mengarahkan perusahaan tersebut untuk menghentikan apa-apa klausa eksklusiviti atau klausa dalam perjanjian mereka, yang boleh mengganggu, menyekat atau menghalang proses persaingan dalam penyediaan perkhidmatan kepada pelanggan atau pelanggan yang berpotensi.



“ ASEAN Experts Group on Competition (AECG) Workshop on Investigation and Case-Handling”, 17 Jun 2014.

# MEMPERKUKUHKAN PERNIAGAAN

Program yang berkesan terhadap pematuhan kepada undang-undang persaingan merupakan komponen penting dalam tadbir urus korporat, kemudiannya akan meningkatkan profil perniagaan itu di pentas antarabangsa.



# ANGGOTA MyCC



Berdiri dari kiri ke kanan:

Dato' Dr Gan Khuan Poh

Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob
Pengerusi

Prof. Dato' Dr. Sothi Rachagan

Ragunath Kesavan





Berdiri dari kiri ke kanan:

Dato' Azmi Lateh

Datuk Dr. Rebecca Fatima Sta Maria

Datuk Dr. Rahamat Bivi Yusoff

Professor Emeritus Dr. Zakariah Abdul Rashid

Dato' Ahmad Hisham Kamaruddin

# ANGGOTA MyCC

### Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob

Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob adalah Pengerusi Suruhanjaya Persaingan Malaysia. Beliau juga adalah Pengerusi RAM Holdings Berhad, RAM Rating Service Berhad, Biro Pengantaraan Kewangan dan menganggotai Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad. Beliau juga merupakan Pro-Canselor Universiti Malaya sejak 16 Mei 2015.

Pencapaian kerjaya Tan Sri Siti Norma menjadi titik tolak kepada kejayaan wanita menyandang jawatan-jawatan nombor satu dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia. Setelah didaftaraikan sebagai Peguambela di Gray's Inn pada tahun 1962, Tan Sri Siti Norma kemudiannya berkhidmat sebagai Penolong Kanan Pendaftar di Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur pada tahun 1963. Setelah itu, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Hakim wanita pertama Mahkamah Tinggi Malaysia, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan pada tahun 1983, 1994, dan 2001. Beliau mengangkat sumpah sebagai Hakim Besar Malaya wanita pertama di Malaysia pada 8 Februari 2005. Setelah 43 tahun 6 bulan berkhidmat, Tan Sri Siti Norma bersara pada 5 Januari 2007.

Pada Januari 2008, Emiriyah Arab Bersatu melantik Tan Sri Siti Norma sebagai salah seorang daripada enam hakim baru di Mahkamah Pusat Kewangan Antarabangsa Dubai (DIFC) untuk tempoh tiga tahun. Melalui pelantikan ini, beliau menjadi hakim wanita pertama yang menyertai Mahkamah DIFC. Kontraknya di Mahkamah DIFC  diperbaharui sehingga 2013.

Selain kerjaya cemerlang beliau sebagai seorang hakim, Tan Sri Siti Norma juga telah memegang beberapa jawatan penting dalam pelbagai pusat dan persatuan undang-undang. Ini termasuk Presiden bagi Persekutuan Peguam Wanita dan Persatuan Pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Naib Presiden Wilayah bagi Persatuan Majistret dan Hakim Komanwel, anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan dan anggota dalam Panel Pendamai dan Timbangtara yang diselenggarakan oleh Pusat Antarabangsa bagi Penyelesaian Pertikaian Pelaburan (ICSID).

Sebagai pengiktirafan pencapaian cemerlang beliau, Tan Sri Siti Norma telah menerima beberapa anugerah berprestij termasuklah pelantikan sebagai felo di Institut Pembangunan Wanita Malaysia dan Eisenhower Exchange Fellowships, Anugerah Pengiktirafan di Persatuan Undang-Undang ASEAN dan Anugerah Jenama Ikon Kepimpinan BrandLaureate.

### Dato' Azmi Lateh

Dato 'Azmi Lateh merupakan Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Dato 'Azmi Lateh menggunakan pengalamannya yang meluas selama 31 tahun berkhidmat dalam pelbagai jabatan kerajaan bagi menggalas tugas sebagai Pesuruhjaya MyCC. Pemahaman yang kukuh terhadap struktur dalaman sektor-sektor kerajaan telah memberikan beliau kemampuan  untuk memastikan bahawa suruhanjaya tersebut menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab.

### Datuk Dr. Rahamat Bivi Yusoff

Datuk Dr. Rahamat ialah Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU). Beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Pegawai Projek di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Penolong Pengarah dan kemudiannya Timbalan Pengarah di Bahagian Ekonomi Makro Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, dan Pengarah Jabatan Pembangunan Perindustrian Suruhanjaya Tenaga.

Datuk Dr. Rahamat berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Ekonomi) (Kepujian) dari Universiti Malaya dan memperolehi Ijazah Sarjana (Ekonomi) dari Western Michigan University. Beliau memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam sebagai Penolong Setiausaha (Bahagian Cukai) di Kementerian Kewangan. Beliau juga memegang Ijazah Kedoktoran dari Universiti Nasional Australia dan Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Beliau juga merupakan ahli Lembaga pelbagai agensi kerajaan termasuk Felda, Perbadanan Johor dan Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (MTJA).

### Datuk Dr. Rebecca Fatima Sta Maria

Datuk Dr. Rebecca adalah Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Sebelum pelantikan ini, beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan) MITI. Beliau memulakan kerjaya dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada tahun 1981 dan telah berkhidmat dalam pelbagai jawatan di Kementerian Perdagangan dan Industri. Pada tahun 1988, beliau telah dipinjamkan menjadi Ketua Pentadbiran dan Pegawai Perolehan di Loji Kuarantin dan Pusat Latihan ASEAN. Pada tahun 2006, beliau  mempengerusikan Mesyuarat Pegawai Kanan Ekonomi ASEAN (SEOM). Kini beliau merupakan Pengerusi Peringkat Tinggi Pasukan Petugas Integrasi Ekonomi ASEAN. Beliau juga ialah Naib Pengerusi Forum Ekonomi Dunia, Majlis Agenda Global Asia Tenggara.

Datuk Dr. Rebecca adalah graduan jurusan Sastera (Kepujian) dalam Kesusasteraan Inggeris dari Universiti Malaya (UM). Beliau menerima Diploma Pentadbiran Awam daripada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Malaysia pada tahun 1981. Beliau juga mempunyai M.S. (Kaunseling) dari Universiti Pertanian Malaysia (kini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia). Setelah menerima Ph.D daripada University of Georgia di Athens, Amerika Syarikat, Datuk Dr. Rebecca telah dianugerahkan Anugerah Malcolm Knowles bagi disertasi Ph.D terbaik dalam bidang Pembangunan Sumber Manusia oleh Persatuan Amerika dalam Pembangunan Sumber Manusia 2000.

Beliau juga merupakan pemegang amanah untuk Yayasan MyKasih; dan ahli Lembaga Pengarah Pusat Kaunseling Emmaus.

### Prof. Dato' Dr. Sothi Rachagan

Dato' Dr Sothi ialah Naib Canselor Universiti Nilai. Sebelum ini beliau adalah Naib Canselor Universiti Perdana, dan Dekan Fakulti Undang-Undang di Universiti Malaya (UM).

Dato' Dr Sothi merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda dari UM, Diploma lepasan ijazah dalam bidang Sastera dan Ijazah Sarjana dari Universiti Otago di New Zealand, Ijazah Sarjana Undang-undang dari University of Bristol, United Kingdom (UK) dan Ph.D dari Pusat Pengajian Oriental dan Pengajian Afrika, University of London, UK. Beliau adalah seorang Peguambela (Lincoln's Inn) dan Peguambela dan Peguamcara Malaya.

Beliau berkhidmat dalam Panel Penasihat Antarabangsa Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan dan Panel Penasihat Pengguna dan Pusat Undang-undang Persaingan daripada beberapa universiti luar negara. Beliau pernah memegang jawatan Presiden Persatuan Undang-undang Pengguna dan telah berkhidmat dalam pelbagai badan-badan lain seperti Biro Pengantaraan Insurans, Panel Tatatertib Bidang Guaman dan Pasukan Petugas untuk penggubalan Dasar Pengguna Negara.

### Dato' Dr. Gan Khuan Poh

Dato' Dr Gan Khuan Poh adalah seorang ahli ekonomi dan Perunding Korporat dengan pengalaman lebih daripada tiga dekad dalam sektor awam dan swasta. Beliau pernah berkhidmat di Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan juga dalam bidang akademik sebagai Profesor Ekonomi di Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengetahuan beliau yang luas dalam bidang ekonomi, kewangan dan pengawalseliaan sektor ICT sangat memberi manfaat kepada peranan MyCC dalam peraturan persaingan. Kajian beliau dalam Ekonomi Peraturan dan Persaingan, Ekonomi Pengagihan dan Pembangunan Ekonomi dalam Ekonomi Baru Muncul boleh menyumbang kepada Suruhanjaya Persaingan secara khasnya.

### Dato' Ahmad Hisham Kamaruddin

Dato' Ahmad Hisham bin Kamaruddin merupakan rakan pengasas Hisham & Associates dan juga seorang Perunding Undang-undang Korporat yang membawa bersamanya pengalaman undang-undang lebih tiga puluh tahun. Sebagai seorang ahli Majlis Warisan Malaysia, beliau terlibat secara aktif dalam pemuliharaan dan pemeliharaan warisan di Malaysia. Pengetahuannya yang luas merangkumi bidang-bidang seperti petrokimia, minyak dan gas, dan harta intelek, syarikat penerbangan, perbankan korporat dan amalan buruh memberi banyak manfaat kepada MyCC.

Sebagai Ejen Tanda Dagangan berdaftar dan Reka bentuk Perindustrian, Dato' Hisham amat mahir dengan undang-undang, aspek-aspek praktikal dan prosedur yang berhubungan dengan perkara harta intelektual termasuk hak cipta, pemalsuan, dan perintah-perintah injuksi.

Dato' Ahmad Hisham juga merupakan seorang Presiden Tribunal Mahkamah Pengguna di Malaysia di bawah Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Beliau juga berperanan bagi mempengerusikan perbicaraan pengguna terhadap para peniaga dan ahli-ahli niaga di seluruh negara.

### Professor Emeritus Dr. Zakariah Abdul Rashid

Profesor Emeritus Dr Zakariah Abdul Rashid ialah Pengarah Eksekutif, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER). Dia juga merupakan mantan Timbalan Dekan dan Ketua Jabatan Ekonomi di Universiti Putra Malaysia (UPM) Bahagian Pengajian Siswazah. Profesor Emeritus Dr Zakariah Abdul Rashid telah menerbitkan banyak artikel dan menyunting jurnal-jurnal akademik, serta memberi syarahan di seminar dan persidangan mengenai pembangunan dan ekonomi antarabangsa, Islam dan serantau. Selain itu, beliau pernah berkhidmat sebagai perunding kepada pelbagai institusi penyelidikan, dan memainkan peranan penting dalam projek-projek berasaskan ekonomi.

### Ragunath Kesavan

Ragunath telah menjadi pengamal undang-undang lebih daripada 20 tahun dan pernah berkhidmat sebagai Presiden Majlis Peguam Malaysia dari tahun 2009 hingga 2011. Beliau berkelayakan sebagai Peguambela di Gray's Inn, London setelah didaftaraikan sebagai Peguambela England & Wales pada tahun 1990.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Genetik) dari Universiti Malaya pada tahun 1985, LLB dari University of Wales Aberystwyth pada tahun 1989 dan LLM dari Universiti Malaya pada tahun 1995. Beliau telah dianugerahkan Anugerah Calcott Pryce dalam Undang-undang Awam Antarabangsa di akhir ijazah LLB-nya dan lulus dengan ijazah 2:1.

# STRUKTUR ORGANISASI

SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA

- PENGERUSI & ANGGOTA SURUHANJAYA
  - KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
    - Bahagian Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
    - Bahagian Khidmat Pengurusan
    - Bahagian Perniagaan dan Ekonomi
    - Bahagian Penguatkuasaan
    - Bahagian Undang -undang
    - Bahagian Hal Ehwal Korporat



# MEMASTIKAN PASARAN YANG CEKAP

Apabila harga ditetapkan atau dikekalkan secara artifisial, yang menanggung beban akhirnya ialah para pengguna. Undang-undang persaingan memastikan bahawa harga ditentukan oleh permintaan dan penawaran dalam pasaran kompetitif yang cekap.



# DETIK-DETIK PENTING

## 2010

2 April : Kabinet meluluskan dasar dan rang undang- undang baharu.

12 April : Dasar dan rang undang-undang baharu dibentangkan dan dibaca di Dewan Rakyat Parlimen.

2 Jun: Akta Persaingan 2010 (AP 2010) menerima Perkenan Diraja.

10 Jun : AP 2010 diwartakan. Satu tempoh tangguh selama 18 bulan ditetapkan bagi syarikat-syarikat untuk mematuhi undang-undang baharu dan untuk Kementerian menubuhkan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).

September : Kementerian menubuhkan satu unit interim persaingan bagi menyediakanpenubuhan MyCC. Tambahan pula, satu jawatankuasa pelaksanaan persaingan ditubuhkan bagi membantu program-program awal unit interim persaingan, yang merangkumi penubuhan MyCC dan menjalankan program-program advokasi.

## 2012

Januari : AP 2010 mula berkuatkuasa.

2 Mei : Garis panduan tentang Prosedur Aduan, Definisi Pasaran dan Perjanjian Antipersaingan disiarkan.

16 Julai : Pelancaran Buku Panduan MyCC untuk Masyarakat Awam.

16 Julai : MyCC menjalankan kajian pasaran ayam daging tempatan.

23 Julai : Siasatan bermula terhadap Cameron Highlands Floriculturist Association (CHFA) kerana penetapan harga.

26 Julai : Garis Panduan Penyalahgunaan Kedudukan Dominan disiarkan.

24 Oktober : Keputusan Yang Dicadangkan terhadap CHFA kerana melanggar Seksyen 4(2) AP 2010 dikeluarkan.

6 Disember: Keputusan muktamad yang pertama terhadap CHFA dikeluarkan.






## 2014

15 Januari - MyCC menjalankan Rundingan Awam bagi garis Panduan Rejim Kelonggaran dan Penalti Kewangan MyCC

21 Januari - MyCC mengeluarkan langkah Interim kepada pengeluar-pengeluar ais.

20 Februari - MyCC mengeluarkan Keputusan yang Dicadangkan kepada pengeluar-pengeluar ais

21 Mei - MyCC menerima AkuJanji dari Persatuan Ampunya Lori Pan-Malaysia (PMLOA)

5 June - Memorandum Persefahaman (MoU) diantara Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia

17 Jun - Bengkel Siasatan dan Pengendalian Kes ASEAN Experts Group on Competition (AEGC)

23 Jun - MyCC melancarkan dua buku panduan mengenai tipuan bida: " Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam" dan "Bantu Kami Kenal Pasti Tipuan Bida" di Putrajaya

7 Julai - Pengecualian blok bersyarat bagi pelayaran tetap oleh MyCC telah diwartakan.

27 Ogos - MyCC menerima empat (4) Ahli Suruhanjaya yang baru

25 September - MyCC melancarkan dua buku panduan mengenai tipuan bida: "Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam" dan "Bantu Kami Kenal Pasti Tipuan Bida" di Kota Kinabalu, Sabah

30 September - MyCC mengeluarkan Keputusan yang Dicadangkan kepada Persatuan Bakeri dan Manisan Sibu (SCBA)

7 Oktober - MyCC menerima AkuJanji dari pembekal-pembekal perkhidmatan logistik

16 Oktober - MyCC menerbitkan Garis Panduan Penalti Kewangan dan Regim Kelonggaran

4 November - MyCC melancarkan dua buku panduan mengenai tipuan bida: "Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam" dan "Bantu Kami Kenal Pasti Tipuan Bida" di Kuching, Sarawak

25 November - Kerjasama Pematuhan diantara MyCC dan Persatuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM)







## 2011

Februari-April : Satu Makmal Persaingan ditubuhkan untuk menilai isu-isu yang dapat mempercepatkan pelaksanaan kukuh AP 2010. Makmal ini terdiri daripada ahli-ahli dari sektor-sektor awam dan swasta.

1 April : Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob dilantik sebagai Pengerusi MyCC.

1 Mei : Sembilan anggota lain dilantik ke MyCC.

Jun : Shila Dorai Raj dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pertama MyCC. Pegawai-pegawai MyCC yang lain juga dilantik.

Disember : MyCC mendrafkan tiga garis panduan dan menjalankan enam perundingan awam untuk menilai maklum balas daripada pihak-pihak yang berkepentingan.

## 2013

17 Januari : Pembukaan rasmi ibu pejabat MyCC di KL Sentral.

Julai : MyCC mengendali dan melengkapkan satu Kajian Pasaran mengenai penetapan harga oleh badan-badan profesional di Malaysia. MyCC menjalankan Kajian Garis Dasar tentang tahap kesedaran AP 2010.

2 September : Pelancaran Akta Persaingan 2010: Panduan untuk Perniagaan.

6 September : Keputusan Yang Dicadangkan terhadap Malaysia Airlines Berhad dan AirAsia kerana perkongsian pasaran.

20 September : Langkah interim dikeluarkan terhadap Persatuan Ampunya Lori Pan-Malaysia (PMLOA) kerana penetapan harga.

25 September: Pelancaran Akta Persaingan 2010: Garis Panduan Pematuhan

25-26 September : Persidangan Undang-undang Persaingan MyCC yang pertama.

1 November : Keputusan yang Dicadangkan terhadap Megasteel Sdn Bhd kerana penyalahgunaan kedudukan dominan.



# INOVASI BERKEMBANG, PENGGUNA MENANG

Perniagaan yang berada dalam pasaran kompetitif mestilah sentiasa menambahbaikkan produk dan perkhidmatan mereka untuk mendapatkan bahagian pasaran. Sesuatu pasaran yang dipacu oleh inovasi akan memberi lebih banyak manfaat kepada pengguna melalui pilihan yang lebih banyak dan produk yang lebih baik.



# PENYATA KEWANGAN


| | |
|---|---|
| Sijil Ketua Audit Negara | 50 |
| Penyata Ahli Lembaga | 52 |
| Pengakuan Berkanun | 53 |
| Lembaran Imbangan | 54 |
| Penyata Pendapatan | 55 |
| Penyata Perubahan Ekuiti | 56 |
| Penyata Aliran Tunai | 57 |
| Nota-nota kepada Penyata Kewangan 2014 | 58 |

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

*Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan*

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

*Pendapat*

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

**(SWAIBATUL ASLAMIAH BINTI HAJI HUSAIN)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
19 OGOS 2015

# PENYATA AHLI LEMBAGA

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH
SURUHANJAYA PERSAINGAN

Saya **TAN SRI DATO' SERI SITI NORMA YAAKOB dan PROF. DATO' DR. S. SOTHI RACHAGAN** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **Suruhanjaya Persaingan** dengan in menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **Suruhanjaya Persaingan** pada **31 Disember 2014** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

..............................

**TAN SRI DATO' SERI SITI NORMA YAAKOB**

PENGERUSI
SURUHANJAYA PERSAINGAN

TARIKH: 13 OGOS 2015
TEMPAT:KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga,

..............................

**PROF. DATO' DR. S. SOTHI RACHAGAN**
ANGGOTA
SURUHANJAYA PERSAINGAN

TARIKH: 13 OGOS 2015
TEMPAT:KUALA LUMPUR

Suruhanjaya Persaingan Malaysia
Malaysia Competition Commission (MyCC)
Level 15, Menara SSM @ Sentral,
No.7 Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral,
50623 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2273 2277
Faks : +603 2272 1692
www.mycc.gov.my

# PENGAKUAN BERKANUN

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA

Saya, **DR. MOHD KHALID BIN ABDUL SAMAD**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )
diakui oleh penama di atas )
di ........KUALA LUMPUR........ )
pada ........................................ )

..............................
**DR. MOHD KHALID BIN ABDUL SAMAD**
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA

W607
GURDEEP SINGH
**PESURUHJAYA SUMPAH**
5B, JALAN RAKYAT
( JALAN TRAVERS )
BRICKFIELDS
50470 KUALA LUMPUR

Suruhanjaya Persaingan Malaysia
Malaysia Competition Commission (MyCC)
Level 15, Menara SSM @ Sentral,
No.7 Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral,
50623 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2273 2277
Faks : +603 2272 1692
www.mycc.gov.my

# LEMBARAN IMBANGAN
Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 31 Disember 2014

| | NOTA | 2014<br>RM | 2013<br>RM |
|---|---|---|---|
| **ASET** | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | **4** | 1,271,014 | 1,428,515 |
| **ASET SEMASA** | | | |
| Deposit dan Prabayar | **5** | 213,550 | 200,350 |
| Faedah Terakru | | 194,778 | 135,936 |
| Simpanan Tetap | **6** | 24,481,022 | 18,799,372 |
| Wang Tunai dan Baki Bank | **7** | 1,269,271 | 7,329,589 |
| Pelbagai Penghutang | | 27,102 | 171,491 |
| | | 26,185,723 | 26,636,738 |
| **LIABILITI SEMASA** | | | |
| Pelbagai Pemiutang dan Akruan | | 460,442 | 531,956 |
| **ASET SEMASA BERSIH** | | 25,725,281 | 26,104,782 |
| | | **26,996,295** | 27,533,297 |
| **DIBIAYAI OLEH** | | | |
| Geran Pelancaran Terkumpul | | 26,996,295 | 27,533,297 |
| | | **26,996,295** | **27,533,297** |

# PENYATA PENDAPATAN
Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 31 Disember 2014

| | NOTA | 2014<br>RM | 2013<br>RM |
|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | |
| Peruntukan Kerajaan Malaysia | | 7,017,500 | 14,000,000 |
| Faedah Simpanan Tetap | 8 | 740,491 | 559,080 |
| Yuran Permohonan Pengecualian | | 20,000 | 50,000 |
| Faedah Bank | | 44,749 | 110,636 |
| Yuran Seminar | | 10,350 | 171,490 |
| Denda dan Hukuman | | 175,050 | - |
| Jumlah Pendapatan | | 8,008,140 | 14,891,206 |
| **PERBELANJAAN** | | | |
| Emolumen | | 2,724,298 | 2,025,920 |
| Perjalanan dan Penginapan | | 175,689 | 186,801 |
| Utiliti dan Komunikasi | | 145,621 | 143,161 |
| Sewa | | 775,320 | 772,630 |
| Susutnilai | 4 | 226,463 | 188,444 |
| Perbelanjaan Pentadbiran | 9 | 253,379 | 304,121 |
| Perbelanjaan Perkhidmatan | | 1,491,201 | 1,490,620 |
| Gaji dan Elaun Anggota Suruhanjaya | | 507,590 | 610,005 |
| Keraian, Honorarium dan Sumbangan | | 61,435 | 54,680 |
| Perbelanjaan Pembangunan | 10 | 2,184,146 | 6,775,009 |
| **Jumlah Perbelanjaan** | | **8,545,142** | **12,551,391** |
| **(KURANGAN)/LEBIHAN PENDAPATAN** | | **(537,002)** | **2,339,815** |

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI

Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 31 Disember 2014

| | **2014** |
|---|---|
| | **RM** |
| **Pada 1 Januari 2013** | 25,193,482 |
| Lebihan Pendapatan | 2,339,815 |
| **Baki pada 31 Disember 2013** | 27,533,297 |
| Kurangan PEndapatan | (537,002) |
| **Baki pada 31 Disember 2014** | 26,996,295 |
| | 26,185,723 |

# PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 31 Disember 2014

| | 2014 | 2013 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI** | | |
| (Kurangan)/lebihan Pendapatan | (537,002) | 2,339,815 |
| Pelarasan: | | |
| Susutnilai | 226,463 | 188,444 |
| Faedah Simpanan Tetap dan Faedah Bank | (740,491) | (669,716) |
| **(Kurangan)/Lebihan Pendapatan Sebelum Perubahan Dalam Modal Kerja** | (1,051,030) | 1,858,543 |
| Pertambahan/(Pengurangan) Deposit dan Prabayar | (13,200) | 18,520 |
| (Pengurangan)/Pertambahan Pelbagai Penghutang | 144,389 | (171,491) |
| (Pengurangan)/Pertambahan Pelbagai Pemiutang | (71,514) | 27,467 |
| TUNAI BERSIH (DIGUNA DALAM)/DARIPADA AKTIVITI OPERASI | (991,355) | 1,733,039 |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN** | | |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan | (68,962) | (501,815) |
| Faedah Simpanan Tetap dan Faedah Bank Diterima | 681,649 | 695,816 |
| TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI PELABURAN | **612,687** | **194,001** |
| (PENGURANGAN)/PENAMBAHAN DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI | (378,668) | 1,927,040 |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN | 26,128,961 | 24,201,921 |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN** | **25,750,293** | **26,128,961** |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DIWAKILI OLEH:** | | |
| Wang Tunai dan Baki Bank | 1,269,271 | 7,329,589 |
| Simpanan Tetap | 24,481,022 | 18,799,372 |
| | **25,750,293** | **26,128,961** |

**1. Maklumat Am**

1.1 Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ditubuhkan pada 1 Jun 2011 di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713).

1.2 Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 telah diluluskan oleh Anggota-anggota Suruhanjaya melalui resolusi pada 13 Ogos 2015.

**2. Objektif Utama**

Objektif utama Suruhanjaya Persaingan Malaysia adalah untuk melaksanakan dan menguatkuasakan peruntukan Akta Persaingan 2010 serta mendidik orang ramai mengenai cara-cara bagaimana persaingan dapat memberi manfaat kepada pengguna dan ekonomi di Malaysia.

**3. Dasar-dasar Perakaunan Utama**

3.1 Asas Perakaunan
Penyata kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) untuk entiti persendirian (Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian-PERS).

3.2 Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah mendapat geran peruntukan mengurus sebanyak RM7,017,500 (2013 : RM7,000,000) bagi menampung tanggungan kewangan dan tidak menerima peruntukan perbelanjaan modal Suruhanjaya pembangunan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) daripada Kerajaan Malaysia (2013 : RM7,000,000).

3.3 Hartanah, Loji dan Peralatan
Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul. Hartanah, loji dan peralatan disusutnilai mengikut asas garis lurus berdasarkan tempoh anggaran hayat seperti berikut.

| | |
|---|---|
| Kenderaan bermotor | 20% |
| Peralatan pejabat dan perabot | 10% |
| Buku | 10% |
| Komputer | 10% |

3.4 Susutnilai Aset
Pada setiap tarikh lembaran imbangan, aset akan dinilai sama ada terdapat sebarang tanda susutnilai aset. Sekiranya terdapat sebarang tanda sedemikian, anggaran bagi jumlah aset yang diperolehi semula akan dilakukan. Kerugian susutnilai nilai akan diiktiraf jika jumlah dibawa sesebuah aset menjana tunainya melebihi jumlah aset yang diperolehi semula.

Jumlah yang diperolehi semula bagi sesuatu aset adalah nilai penggunaan dan harga jualan bersih yang lebih besar di mana ia diukur dengan menggunakan nilai penggunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai semasanya.

Kerugian susutnilai nilai akan dicaj pada penyata pendapatan, kecuali apabila terdapat pembalikan susutnilai nilai. Kerugian susutnilai nilai ditimbal balik hanya diiktiraf apabila jumlah aset dibawa tidak melebihi jumlah yang mungkin ditentukan sekiranya tiada kerugian susutnilai.

3.5 Tunai dan Kesetaraan Tunai
Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi baki tunai dalam tangan, dan bank serta deposit berkecairan tinggi dan mampu ditukar kepada tunai tanpa risiko jangka pendek.





3.6 Pengiktirafan Pendapatan
Semua pendapatan Suruhanjaya Persaingan Malaysia diambil kira dalam Penyata Kewangan mengikut asas akruan kecuali Peruntukan Kerajaan Malaysia. Pendapatan Suruhanjaya Persaingan Malaysia terdiri daripada Peruntukan Kerajaan Malaysia, Faedah Simpanan Tetap dan Bank, Yuran Permohonan Pengecualian dan Yuran Seminar.

Peruntukan Kerajaan Malaysia yang diterima bagi tujuan perbelanjaan mengurus diambil kira sebagai pendapatan apabila diterima.

Pendapatan faedah diiktiraf berasaskan kepada pembahagian masa dan kadar efektif yang menjangkaui tempoh matang.

Yuran Permohonan Pengecualian yang diterima adalah daripada entiti perniagaan yang memohon pengecualian daripada Akta Persaingan 2010.

Yuran Seminar yang diterima adalah daripada pelaksanaan program seminar yang berkaitan dengan Akta Persaingan 2010.

3.7 Polisi Pengurusan Risiko Kewangan
Polisi pengurusan risiko kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia bertujuan memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi untuk menjalankan operasinya dengan lancar. Suruhanjaya akan mempertimbangkan dan menilai risiko pengurusan kewangan yang dibangkitkan dari semasa ke semasa.

i. Risiko Kadar Faedah
Suruhanjaya membiayai operasinya dengan dana dalaman dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko kadar faedah dari pinjaman bank.

ii. Risiko Kredit
Suruhanjaya tidak berurus niaga secara kredit yang material dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko kredit.

iii. Risiko Pertukaran Matawang Asing
Suruhanjaya tidak mempunyai urus niaga pertukaran mata wang asing dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko pertukaran mata wang asing.

iv. Risiko Aliran Tunai
Suruhanjaya mengamalkan pengurusan risiko aliran tunai yang berhemah bagi meminimakan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan serta untuk mewujudkan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

3.8 Manfaat Pekerja

i. Manfaat Jangka Pendek
Gaji, elaun, imbuhan, insentif dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun perkhidmatan yang berkaitan diberikan kepada pekerja.

ii. Pelan Caruman Tetap
Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (“KWSP”) wajib dicarumkan mengikut perundangan di Malaysia. Caruman diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan.

3.9 Cukai Pendapatan
Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah mendapat pengecualian cukai pendapatan daripada Kementerian Kewangan selama 5 tahun iaitu daripada tahun 2011 hingga 2015.

4. Hartanah, Loji dan Peralatan

| | Kenderaan Bermotor RM | Perabot dan Kelengkapan Pejabat RM | Buku RM | Komputer RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|
| Kos | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2014 | 519,366 | 207,213 | 253,662 | 738,435 | 1,718,676 |
| Tambahan Tahun Semasa | - | 3,900 | 25,721 | 39,341 | 68,962 |
| Baki pada 31 Disember 2014 | 519,366 | 211,113 | 279,383 | 777,776 | 1,787,638 |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2014 | 194,293 | 22,042 | 15,985 | 57,841 | 290,161 |
| Susutnilai Tahun Semasa | 103,874 | 20,754 | 26,096 | 75,739 | 226,463 |
| Baki pada 31 Disember 2014 | 298,167 | 42,796 | 42,081 | 133,580 | 516,624 |
| **Nilai Buku Bersih** | 221,199 | 168,317 | 237,302 | 644,196 | 1,271,014 |

| | Kenderaan Bermotor RM | Perabot dan Kelengkapan Pejabat RM | Buku RM | Komputer RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **Kos** | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2013 | 519,366 | 166,450 | 90,373 | 440,672 | 1,216,861 |
| Tambahan Tahun Semasa | - | 40,763 | 163,289 | 297,763 | 501,815 |
| Baki pada 31 Disember 2013 | 519,366 | 207,213 | 253,662 | 738,435 | 1,718,676 |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2013 | 90,420 | 3,781 | 4,078 | 3,438 | 101,717 |
| Susutnilai Tahun Semasa | 103,873 | 18,261 | 11,907 | 54,403 | 188,444 |
| Baki pada 31 Disember 2013 | 194,293 | 22,042 | 15,985 | 57,841 | 290,161 |
| **Nilai Buku Bersih** | **325,073** | **185,171** | **237,677** | **680,594** | **1,428,515** |



NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

| | 2014 RM | 2013 RM |
|---|---|---|
| **5. Deposit dan Prabayar** | | |
| Deposit elektrik | 71,851 | 71,851 |
| Deposit sewa ruang pejabat | 13,200 | - |
| Lain-lain deposit dan cagaran | 124,302 | 124,302 |
| Prabayar | 4,197 | 4,197 |
| | 213,550 | 200,350 |
| **6. Simpanan Tetap** | | |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia | 4,317,579 | 3,180,787 |
| Malaysia Building Society Berhad | 16,038,660 | 14,048,585 |
| Affin Hwang Investment Bank Berhad | 4,124,783 | 1,570,000 |
| | 24,481,022 | 18,799,372 |

Kadar faedah bagi simpanan tetap adalah di antara 3.30% - 3.70% (2013: 3.30% - 3.60%) dan tempoh luput simpanan pada akhir tahun adalah di antara 1 hingga 6 bulan (2013: 1 hingga 12 bulan).

| | 2014 RM | 2013 RM |
|---|---|---|
| **7. Wang Tunai dan Baki Bank** | | |
| Tunai dalam tangan dan bank | 4,481 | 5,000 |
| Akaun Semasa CIMB (Mengurus) | 982,393 | 6,889,274 |
| Akaun Semasa CIMB (Pembangunan) | 282,397 | 435,315 |
| | 1,269,271 | 7,329,589 |
| **8. Faedah Simpanan Tetap** | | |
| **Bank Kerjasama Rakyat Malaysia** | 113,348 | 255,877 |
| Malaysia Building Society Berhad | 533,357 | 292,815 |
| Affin Hwang Investment Bank Berhad | 93,786 | 10,388 |
| | 740,491 | 559,080 |
| **9. Perbelanjaan Pentadbiran** | | |
| Minyak Petrol | 24,105 | 25,203 |
| Perbelanjaan Pejabat | 205,180 | 233,360 |
| Lain-Lain Cukai | 22,368 | 44,480 |
| Alat Ganti Kelengkapan Pejabat | 1,726 | 1,078 |
| | 253,379 | 304,121 |
| **10. Perbelanjaan Pembangunan** | | |
| Latihan Pembangunan Kapasiti | 36,590 | 1,409,505 |
| Program Advokasi | - | 1,478,836 |
| Pembangunan ICT dan Laman Web | - | 187,298 |
| Perancangan Media dan Komunikasi | 1,990,548 | 2,632,879 |
| Penyelidikan | 157,008 | 1,066,491 |
| | 2,184,146 | 6,775,009 |